



GARIS PANDUAN

AKTIVITI PERDAGANGAN LABUAN DAN AKTIVITI BUKAN PERDAGANGAN LABUAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Objektif	1
2. Aktiviti Perniagaan Labuan	1
3. Aktiviti Perdagangan Labuan	1
4. Aktiviti Bukan Perdagangan Labuan	7
5. Entiti Labuan yang Menjalankan Aktiviti Perdagangan Labuan dan Aktiviti Bukan Perdagangan Labuan	9

GARIS PANDUAN KETUA PENGARAH

Seksyen 17A Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Ketua Pengarah fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia bertujuan untuk memberikan penjelasan Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai, memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengannya.

Ketua Pengarah boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan ini adalah untuk memberi penjelasan berhubung takrifan aktiviti perdagangan Labuan dan aktiviti bukan perdagangan Labuan sepertimana dinyatakan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445] (ACAPL) dan perundangan subsidiari berkaitan percukaian aktiviti perniagaan Labuan.

2. AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN

- 2.1. Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan Labuan adalah tertakluk kepada cukai aktiviti perniagaan Labuan di bawah ACAPL bagi setiap tahun taksiran berkaitan aktiviti perniagaan Labuan.
- 2.2. Entiti Labuan hendaklah diperbadankan dan berdaftar di bawah akta di Labuan yang berkaitan dengan penubuhannya serta mempunyai lesen operasi yang sah dan berkuat kuasa daripada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (bagi aktiviti perdagangan Labuan sahaja).
- 2.3. Entiti Labuan, sepertimana yang diperuntukkan dalam Jadual kepada ACAPL, termasuklah entiti seperti syarikat, yayasan, perkongsian, perkongsian terhad, perkongsian liabiliti terhad dan amanah.
- 2.4. Aktiviti perniagaan Labuan adalah suatu aktiviti perdagangan Labuan atau aktiviti bukan perdagangan Labuan yang dijalankan di, dari atau melalui Labuan, tidak termasuk apa-apa aktiviti yang merupakan suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
- 2.5. Entiti Labuan yang menjalankan suatu aktiviti selain daripada aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 2.4 Garis Panduan ini boleh ditetapkan sebagai suatu aktiviti perniagaan Labuan oleh Menteri dengan syor secara bertulis daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).

3. AKTIVITI PERDAGANGAN LABUAN

- 3.1. Senarai aktiviti perdagangan Labuan adalah seperti berikut:
 - (a) perbankan;
 - (b) insurans;
 - (c) perdagangan;
 - (d) pengurusan;

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- (e) pelesenan; atau
- (f) apa-apa aktiviti lain yang bukan suatu aktiviti bukan perdagangan Labuan.
- 3.2. Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan Labuan perlu mematuhi kehendak substantif yang telah ditetapkan di bawah subperenggan 2B(1)(b)(i) ACAPL iaitu mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa yang mencukupi di Labuan, mempunyai amaun perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi di Labuan dan mematuhi apa-apa syarat berhubung dengan orang yang layak dan wajar bagi pekerja sepenuh masa.
- 3.3. Pematuhan kepada kehendak substantif bagi setiap aktiviti perdagangan Labuan yang dijalankan oleh suatu entiti Labuan diperincikan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Kehendak Bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) 2021 [P.U.(A) 423/2021] seperti berikut:

No.	Aktiviti Perdagangan Labuan	Bilangan Minimum Pekerja Sepenuh Masa di Labuan	Amaun Minimum Perbelanjaan Operasi Tahunan di Labuan (RM)
1.	Penanggung insurans Labuan, penanggung insurans semula Labuan, pengendali takaful Labuan atau pengendali takaful semula Labuan	3	200,000
2.	Pengurus penajaan jamin Labuan atau pengurus takaful penajaan jamin Labuan	4	100,000
3.	Pengurus insurans Labuan atau pengurus takaful Labuan	4	100,000
4.	Broker insurans Labuan atau broker takaful Labuan	2	100,000
5.	Penanggung insurans kaptif Labuan atau penanggung takaful kaptif Labuan—		

No.	Aktiviti Perdagangan Labuan	Bilangan Minimum Pekerja Sepenuh Masa di Labuan	Amaun Minimum Perbelanjaan Operasi Tahunan di Labuan (RM)
	(a) Penanggung insurans kaptif pihak pertama Labuan atau penanggung takaful kaptif pihak pertama Labuan; atau	2	100,000
	(b) Penanggung insurans kaptif pihak ketiga Labuan atau penanggung takaful kaptif pihak ketiga Labuan	3	100,000
6.	Bank Labuan, bank pelaburan Labuan, bank Islam Labuan atau bank pelaburan Islam Labuan	3	200,000
7.	Syarikat amanah Labuan	3	120,000
8.	Syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan yang mempunyai—		
	(a) tidak lebih daripada 10 syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan berkaitan;	2 bagi setiap kumpulan syarikat	100,000 bagi setiap syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan
	(b) 11 hingga 20 syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan berkaitan;	3 bagi setiap kumpulan syarikat	100,000 bagi setiap syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan

No.	Aktiviti Perdagangan Labuan	Bilangan Minimum Pekerja Sepenuh Masa di Labuan	Amaun Minimum Perbelanjaan Operasi Tahunan di Labuan (RM)
	(c) 21 hingga 30 syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan berkaitan; atau	4 bagi setiap kumpulan syarikat	100,000 bagi setiap syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan
	(d) lebih daripada 30 syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan berkaitan	Tambahan 1 pekerja bagi setiap kumpulan syarikat untuk setiap peningkatan 10 syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan berkaitan	100,000 bagi setiap syarikat pajakan Labuan atau syarikat pajakan Islam Labuan
9.	Syarikat tampang kredit Labuan atau syarikat tampang kredit Islam Labuan	2	100,000
10.	Syarikat pembangunan kewangan Labuan atau syarikat pembangunan kewangan Islam Labuan	2	100,000
11.	Syarikat pembangunan kredit Labuan atau syarikat pembangunan kredit Islam Labuan	2	100,000

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

No.	Aktiviti Perdagangan Labuan	Bilangan Minimum Pekerja Sepenuh Masa di Labuan	Amaun Minimum Perbelanjaan Operasi Tahunan di Labuan (RM)
12.	Syarikat pemfaktoran Labuan atau syarikat pemfaktoran Islam Labuan	2	100,000
13.	Broker wang Labuan atau broker wang Islam Labuan	2	100,000
14.	Pengurus kumpulan wang	2	100,000
15.	Pemegang lesen sekuriti Labuan atau pemegang lesen sekuriti Islam Labuan	2	100,000
16.	Pentadbir kumpulan wang Labuan	2	100,000
17.	Syarikat pengurusan Labuan	2	100,000
18.	Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan	2	120,000
19.	Organisasi swaatur atau organisasi swaatur Islam	2	120,000
20.	Entiti Labuan yang menjalankan mana-mana satu atau lebih daripada aktiviti perniagaan berikut: (a) perkhidmatan pentadbiran; (b) perkhidmatan perakaunan; (c) perkhidmatan perundangan; (d) perkhidmatan pemprosesan bilik belakang; (e) perkhidmatan pembayaran gaji;	2	50,000

No.	Aktiviti Perdagangan Labuan	Bilangan Minimum Pekerja Sepenuh Masa di Labuan	Amaun Minimum Perbelanjaan Operasi Tahunan di Labuan (RM)
	(f) perkhidmatan pengurusan bakat; (g) perkhidmatan agensi; (h) perkhidmatan berkaitan ketaksolvenan; (i) perkhidmatan pengurusan selain syarikat pengurusan Labuan di bawah butiran 17		

- 3.4. Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan Labuan dan mematuhi kehendak substantif untuk suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran akan dikenakan cukai pada kadar 3% atas keuntungan bersih daripada aktiviti perdagangan Labuan itu dalam tahun taksiran itu. Keuntungan bersih hendaklah tidak termasuk apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek sepertimana dilaporkan dalam akaun beraudit.

Contoh 1

Nern Thevada (Labuan) Ltd. adalah bank pelaburan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [Akta 441]. Nern Thevada (Labuan) Ltd. telah mengambil tiga orang pekerja sepenuh masa dan membuat perbelanjaan operasi melebihi RM200,000 di Labuan sepanjang tahun taksiran 2025 (asas tahun semasa). Nern Thevada (Labuan) Ltd. akan dikenakan cukai pada kadar 3% atas keuntungan bersih yang dilaporkan dalam akaun beraudit kerana memenuhi kehendak substantif di bawah Butiran 6 Jadual Pertama P.U.(A) 423/2021.

- 3.5. Suatu entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan Labuan tetapi gagal mematuhi kehendak substantif yang ditetapkan bagi suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran akan dikenakan cukai pada kadar 24% ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu.

4. AKTIVITI BUKAN PERDAGANGAN LABUAN

- 4.1. Aktiviti bukan perdagangan Labuan ertinya suatu aktiviti yang berhubungan dengan pemegangan pelaburan dalam:
- (a) sekuriti;
 - (b) saham;
 - (c) syer;
 - (d) pinjaman;
 - (e) deposit; atau
 - (f) apa-apa harta lain yang terletak di Labuan,
- oleh suatu entiti Labuan bagi pihaknya sendiri.
- 4.2. Harta lain adalah merujuk kepada harta tidak alih yang meliputi tanah dan bangunan yang bertempat dalam sempadan / wilayah Labuan sahaja. Oleh yang demikian, sekiranya entiti Labuan memperoleh pendapatan daripada pemegangan pelaburan harta tidak alih yang terletak di luar Labuan, aktiviti pemegangan pelaburan tersebut adalah bukan aktiviti perniagaan Labuan dan tertakluk kepada pengenaan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] (ACP).
- 4.3. Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan Labuan perlu mematuhi kehendak substantif yang telah ditetapkan di bawah subperenggan 2B(1)(b)(ii) ACAPL.
- 4.4. Pematuhan kepada kehendak substantif bagi setiap aktiviti bukan perdagangan Labuan yang dijalankan oleh suatu entiti Labuan diperincikan dalam Jadual Kedua P.U.(A) 423/2021 seperti berikut:

No.	Aktiviti Bukan Perdagangan Labuan	Bilangan Minimum Pekerja Sepenuh Masa di Labuan	Amaun Minimum Perbelanjaan Operasi Tahunan di Labuan (RM)
1.	Aktiviti pemegangan pelaburan selain aktiviti pemegangan ekuiti tulen	1	20,000
2.	Aktiviti pemegangan ekuiti tulen	Dikecualikan	20,000

- 4.5. Pemegangan ekuiti tulen bermaksud entiti Labuan memiliki penyertaan ekuiti dan hanya memperoleh pendapatan dalam bentuk dividen dan keuntungan modal.
- 4.6. Keuntungan yang diperolehi oleh entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan Labuan dan mematuhi kehendak substantif bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran tidak dikenakan cukai di bawah ACAPL bagi tahun taksiran itu. Keuntungan hendaklah tidak termasuk apa-apa pendapatan yang diperolehi daripada royalti dan pendapatan lain yang diperolehi daripada hak harta intelek.
- 4.7. Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan Labuan tetapi gagal mematuhi kehendak substantif yang ditetapkan bagi suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran akan dikenakan cukai pada kadar 24% ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu.

Contoh 2

Blue Terrace Labuan Ltd. adalah sebuah entiti Labuan yang menjalankan aktiviti pemegangan pelaburan. Pada tahun 2025, Blue Terrace Labuan Ltd. telah membuat pelaburan dalam hartanah di Labuan dan menerima pendapatan sewa daripada pelaburan tersebut serta mempunyai dua orang pekerja sepenuh masa dengan perbelanjaan operasi tahunan berjumlah RM30,000 di Labuan. Blue Terrace Labuan Ltd. tidak dikenakan cukai di bawah ACAPL bagi tahun taksiran 2025 (asas tahun semasa) kerana dikategorikan sebagai entiti Labuan yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan yang memenuhi kehendak substantif.

Contoh 3

Fakta adalah sama seperti Contoh 2 kecuali Blue Terrace Labuan Ltd. membuat pelaburan dalam hartanah di Kanchanaburi, Thailand. Aktiviti pelaburan tersebut tidak termasuk dalam skop aktiviti bukan perdagangan Labuan Blue Terrace Labuan Ltd. kerana pelaburan hartanah yang dilakukannya melibatkan hartanah yang berada di luar sempadan / wilayah Labuan. Oleh yang demikian, aktiviti pelaburan hartanah Blue Terrace Labuan Ltd. adalah bukan aktiviti perniagaan Labuan dan boleh tertakluk kepada cukai pengenaan di bawah ACP.

5. ENTITI LABUAN YANG MENJALANKAN AKTIVITI PERDAGANGAN LABUAN DAN AKTIVITI BUKAN PERDAGANGAN LABUAN

- 5.1. Entiti Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan Labuan dan aktiviti bukan perdagangan Labuan hendaklah disifatkan sebagai menjalankan suatu aktiviti perdagangan Labuan selaras dengan subseksyen 2(2) ACAPL.
- 5.2. Entiti Labuan tersebut hanya perlu memenuhi kehendak substantif berhubung dengan aktiviti perdagangan Labuan yang diperincikan dalam P.U.(A) 423/2021.
- 5.3. Dalam keadaan suatu entiti Labuan yang menjalankan lebih daripada satu aktiviti perdagangan Labuan serta aktiviti bukan perdagangan Labuan dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pematuhan kehendak substantif bagi aktiviti bukan perdagangan Labuan tersebut hendaklah dianggap mengikut kehendak substantif aktiviti perdagangan Labuan yang dikenal pasti oleh entiti Labuan tersebut sebagai aktiviti yang menjana pendapatan teras (*core income generating activity* (CIGA)). Pada masa yang sama, setiap aktiviti perdagangan Labuan yang dijalankan hendaklah mematuhi kehendak substantif masing-masing sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah P.U.(A) 423/2021 selaras dengan subperenggan 2B(1)(b)(i) ACAPL.
- 5.4. CIGA dikenal pasti dengan menentukan aktiviti perdagangan utama yang menjana pendapatan teras, iaitu aktiviti yang memberi sumbangan terbesar kepada pendapatan atau mempunyai impak ekonomi yang paling signifikan kepada entiti Labuan tersebut.
- 5.5. Penentuan CIGA hendaklah dibuat berdasarkan fakta dan keadaan sebenar perniagaan, termasuk sumber utama pendapatan serta jumlah masa dan sumber (seperti pekerja, kos, pengurusan dan lain-lain) yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 5.6. Kegagalan untuk memenuhi kehendak substantif bagi setiap aktiviti perdagangan Labuan seperti yang ditetapkan akan menyebabkan entiti Labuan tersebut dikenakan cukai pada kadar 24% di bawah subseksyen 2B(1A) ACAPL.

Contoh 4

Kwai River (Labuan) Ltd. adalah syarikat kewangan yang baharu ditubuhkan dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Kwai River (Labuan) Ltd. adalah sebuah syarikat pembangunan kewangan Labuan yang merupakan suatu aktiviti perdagangan Labuan. Syarikat juga terlibat dengan pelaburan saham dalam syarikat pemula yang berdaftar di Hong Kong yang merupakan suatu aktiviti bukan perdagangan Labuan. Oleh itu, Kwai River (Labuan) Ltd. disifatkan sebagai menjalankan suatu aktiviti perdagangan Labuan berdasarkan subseksyen 2(2) ACAPL.

Contoh 5

Andaman Nexus (Labuan) Ltd. diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 dan memegang lesen operasi yang sah di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704]. Dalam tahun taksiran 2025 (tahun semasa), syarikat menjalankan aktiviti berikut:

Aktiviti Perniagaan Labuan		Bilangan Pekerja Sepenuh Masa di Labuan	Amaun Perbelanjaan Operasi Tahunan di Labuan (RM)
Aktiviti perdagangan Labuan	Pengurus kumpulan wang – CIGA	2	120,000
	Perkhidmatan perakaunan	2	55,000
Aktiviti bukan perdagangan Labuan	Pemegangan dalam sekuriti	Tiada	10,000

Andaman Nexus (Labuan) Ltd. didapati menjalankan aktiviti perdagangan Labuan dan aktiviti bukan perdagangan Labuan. Oleh itu, syarikat disifatkan sebagai menjalankan suatu aktiviti perdagangan Labuan di bawah subseksyen 2(2) ACAPL.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Merujuk kepada perenggan 5.3 Garis Panduan ini, Andaman Nexus (Labuan) Ltd. telah mematuhi kehendak substantif bagi setiap aktiviti perdagangan Labuan yang dijalankan dan pematuhan kehendak substantif bagi aktiviti bukan perdagangan Labuan dianggap mengikut kehendak substantif aktiviti perdagangan Labuan yang ditentukan sebagai CIGA.

Oleh kerana Andaman Nexus (Labuan) Ltd. memenuhi kehendak substantif bagi setiap aktiviti perdagangan Labuan yang dijalankan, maka syarikat dikenakan cukai pada kadar 3% atas keuntungan bersih yang dilaporkan dalam akaun beraudit.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

10 Disember 2025

s.k.: LHDN.01/35/(S)/42/51/360